

Pasukan NTU-NIE mulakan fasa terakhir daki Everest

PASUKAN Everest NTU-NIE Singapura telah tiba di Kem Induk Everest di Nepal bagi memulakan fasa terakhir persediaan mereka mendaki ke puncak Gunung Everest, kata Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam satu kenyataan semalam.

Mereka tiba di kem itu minggu lalu menyusuli perjalanan hampir 10 hari dari Lukla dan akan berpangkalan di sana sehingga awal Jun ini apabila ekspedisi mereka dijangka berakhir.

Pasukan itu – terdiri daripada Dr Arjunan Saravana Pillai, 47 tahun, felo pengajaran daripada Institut Pendidikan Nasional (NIE) di NTU; Cik Nur Yusrina Ya'akob, 30 tahun, seorang guru pelatih yang mengikuti program Diploma Lepasan Ijazah dalam Pendidikan Jasmani di NIE; dan Encik Jeremy Tong, 26 tahun, graduan program Sains Sukan dan Pengurusan NTU – merancang mendaki gunung setinggi 8,848 meter itu pada lewat Mei, bergantung pada cuaca.

Jika mereka berjaya mendaki gunung itu, mereka akan menjadi pasukan Singapura yang pertama melakukan demikian selepas Pasukan Everest Wanita Singapura pada 2009.

"Mencapai Kem Induk Everest yang terletak pada ketinggian 5,364 meter merupakan satu pencapaian penting bagi mana-mana pendaki yang bermatlamat mencapai puncak tertinggi di dunia itu," kata NTU dalam kenyataannya.

NTU berkata tiga anggota pasukan itu akan menambahkan proses penyesuaian pada iklim, yang termasuk melakukan siri putaran, atau pendakian penyesuaian iklim dalam kawasan itu untuk menyesuaikan diri pada keadaan seperti rupa bumi, salji, cuaca tidak menentu dan tahap oksigen rendah.

Sebagai sebahagian daripada proses penyesuaian iklim mereka itu, pasukan itu baru-baru ini mendaki Puncak Lobuche setinggi 6,119 meter yang terletak berdekatan.

Pasukan itu tiba di ibu kota Nepal, Kathmandu, pada 26 Mac lalu, di mana mereka mendapatkan bekalan dan peralatan mendaki sebelum berlepas empat hari kemudian ke Lukla untuk memulakan perjalanan ke Kem Induk Everest.

Semasa perjalanan dari Lukla ke Kem Induk Everest, mereka melalui kampung Deboche dan bandar Namche Bazaar yang terletak 3,440 meter di atas paras laut.

NTU telah menghubungkan mereka dengan penaja dan penderma bagi mendapatkan bantuan untuk membayai ekspedisi mereka.

Ketiga-tiga anggota pasukan itu telah mengumpul lebih \$150,000.

Sebahagian besar perbelanjaan itu adalah bagi pakej ekspedisi dan kelengkapan peribadi.

"Selain memenuhi cita-cita mereka mencapai puncak Everest, pasukan itu juga berharap ekspedisi mereka akan membantu menggalak semangat berdaya tahan, suka mengharungi bahaya dan cabaran dan boleh buat (*can-do*) dalam kalangan rakyat Singapura, dan untuk memberi inspirasi kepada lebih ramai individu mengejar impian mereka," kata NTU dalam kenyataannya.



DAKI EVEREST: (Dari depan) Encik Jeremy Tong, Dr Arjunan Saravana Pillai dan Cik Nur Yusrina Ya'akob telah tiba di Kem Induk Everest di Nepal bagi memulakan fasa terakhir persediaan mereka mendaki ke puncak Gunung Everest. – Foto ihsan PASUKAN EVEREST NTU-NIE SINGAPURA